



Choon Ser bersama ahli majlis MPK, Gan Kian Huat (kiri) dan Ng Soon Hing ketika melawat tapak tempat letak kereta MPK yang baharu, kelmarin.

MPK mudahkan pelawat HTAA

SINAR HARIAN 24.4.2018

KUANTAN - Masalah kekurangan tempat letak kereta di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) diatasi apabila pelawat dibenarkan menggunakan tempat letak kereta bangunan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) yang baharu, bermula bulan ini.

Ahli Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) Tee Choon Ser berkata, terdapat kira-kira 120 tempat letak kereta di lot tersebut yang boleh digunakan pelawat HTAA.

Menurutnya, orang ramai boleh menggunakan kemudahan itu secara percuma ketika ini bermula jam 7 pagi hingga 7 petang.

"Bagi pelawat yang berurusan di HTAA selepas waktu itu, mereka

perlu gunakan tempat letak kereta di luar dengan risiko sendiri," katanya.

Choon Ser berkata, penyediaan lebih banyak lot tempat letak kereta di bangunan MPK itu dipertimbangkan ketika bangunan itu dibina mengambil kira keperluan mendesak kemudahan itu di HTAA.

"Ya salah satu usaha MPK mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta di HTAA yang sentiasa mendapat rungutan orang ramai," katanya.

Beliau bagaimanapun menasihati pelawat yang meletak kenderaan di lot bangunan MPK itu supaya menggunakan jejantas untuk melintas ke HTAA atas faktor keselamatan.